

PR utamakan kebajikan rakyat - Khalid

SH 30/6/08 m/s 32

SHAH ALAM - "Kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk menzahirkan dasar sebenar Pakatan Rakyat (PR) untuk mengutamakan kebajikan rakyat dan membantu golongan yang memerlukan dalam pentadbirannya," kata Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad.

Menurut Pesuruhjaya Pas II Selangor itu lagi, kemiskinan rakyat merupakan sunnah alam dan kerajaan negeri sentiasa prihatin untuk membantu golongan tersebut sebagai 'keadilan sosial' supaya mereka dapat bersama-sama menikmati kemajuan negeri Selangor.

"Kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela dan prihatin kepada rakyat yang tidak bernasib baik.

"Bantuan yang diberikan kepada rakyat di negeri untuk memastikan ke-

rajaan negeri meletakkan kepentingan kepada rakyat agar sentiasa menikmati apa sahaja yang dilaksanakan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Program Sumbangan Makanan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor, DUN Batu Tiga di Markas Pas Padang Jawa, kelmarin.

"Pemberian bantuan adalah untuk membantu rakyat untuk bersama-sama merasai kekayaan negeri ini dan rakyat perlu memberikan sokongan kepada kerajaan negeri kerana pelaksanaan janji-janji kerajaan negeri akan dibuat secara berperingkat.

"Saya berharap tiada tindakan daripada Kerajaan Pusat untuk menggagalkan usaha Kerajaan Negeri Selangor," katanya.

Tambahnya lagi, kejayaan Kerajaan

Negeri untuk meneruskan pemberian 20 meter padu air percuma kepada penduduk di negeri Selangor telah dilaksanakan walaupun pada peringkat awal Syabas enggan memberikan kerjasama.

"Walaupun ada cubaan untuk menggagalkan perkara tersebut, kita tetap teruskan kerana itu janji kerajaan negeri kepada rakyat," katanya.

Hadir sama dan menyampaikan bantuan dalam program tersebut ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Tiga, Rodziah Ismail.

Dalam program tersebut, bantuan berbentuk beras dan makanan telah diberikan kepada 30 penerima yang terdiri daripada golongan ibu tunggal, fakir miskin dan warga emas yang merupakan penduduk pelbagai bangsa di Padang Jawa Petaling.



Khalid menyampaikan sumbangan kepada salah seorang warga emas yang menerima bantuan.

Sinar